



PERSATUAN PUSTAKAWAN MALAYSIA

YBgh Tan Sri/Dato/Datin/Tuan/Puan,

Rayuan Untuk Tabung Bantuan Mangsa Tsunami: 'Aceh Bangkit Aceh Membaca'

Pada 26 Disember 2004 yang lalu, dunia telah dikejutkan dengan malapetaka tsunami yang telah melanda beberapa bandar di pesisir Lautan Hindi. Tempat yang paling teruk menerima akibat tsunami ini ialah Aceh di Sumatra, Indonesia.

Persatuan Pustakawan Malaysia (PPM) amat prihatin tentang apa yang telah dialami oleh masyarakat Aceh, terutama sekali apabila menerima kunjungan para pustakawan dari Ikatan Pustakawan Indonesia yang telah memohon bantuan untuk membina semula infrastruktur perpustakaan di Aceh yang telah musnah akibat tsunami. PPM telah menghantar satu kumpulan empat orang anggotanya ke Aceh dalam satu kunjungan yang dinamakan 'Misi Iqra'. Tujuan kunjungan itu ialah untuk memperoleh maklumat terkini tentang bantuan yang diperlukan dan bagaimana PPM boleh memberi bantuan yang lebih bermakna.

Misi Iqra' yang di ketuai oleh Dato' Zawiyah Baba telah berada di Banda Aceh dari 2 hingga 5 Ogos, 2005 dan telah melawat tempat-tempat yang telah musnah dilanda tsunami dan bertemu dengan mangsa tsunami – anak-anak kecil yang kehilangan ibu-bapa, para remaja yang gigih dan penuh bersemangat untuk meneruskan kehidupan mereka, dan kumpulan-kumpulan para sukarelawan Aceh yang gigih membina kembali masyarakat mereka.

PPM seterusnya telah memutuskan untuk menjuruskan bantuan kepada projek literasi dan membina kembali infrastruktur perpustakaan yang telah musnah. Keputusan ini dibuat memandangkan bahawa kumpulan-kumpulan lain telah mulai memberi bantuan yang berjangka lebih besar, seperti membina projek-projek perumahan.

Ternyata jumlah peruntukan yang besar diperlukan untuk membina semula apa yang telah musnah. Oleh yang demikian PPM memohon ahli-ahli, rakan-rakan PPM serta para dermawan untuk membantu kami dalam usaha murni ini, terutamanya untuk membina semula perpustakaan yang telah musnah. Apa yang segera diperlukan ialah alat perkakas perpustakaan, komputer, kenderaan untuk perpustakaan bergerak dan yang amat penting bahan bacaan dalam pelbagai bahasa dan bentuk.

Untuk tujuan tersebut, PPM telah mewujudkan "**PPM Aceh Libraries Fund**" dalam rangka menyokong projek pembangunan 'Aceh Bangkit Aceh Membaca'. Saudara yang ingin menghulurkan bantuan boleh berbuat demikian dengan mengirimkan cek untuk tabung di atas kepada:

Persatuan Pustakawan Malaysia
Peti Surat 12545
50782 Kuala Lumpur
Malaysia

atau

Dengan memasukkan terus ke akaun khas “PPM Aceh Libraries Fund” di Malayan Banking Berhad (**Maybank**), Wisma Sime Darby, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur dengan nombor akaun **514299129835**.

Atas sumbangan serta kerjasama yang diberikan, PPM mengucapkan jutaan terimakasih. Wassalam.

Yang benar,

Putri Saniah Megat Abdul Rahman
Yang DiPertua
Persatuan Pustakawan Malaysia